

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**

**RUJUKAN : BL 2 [PR-1351-T00180]**

**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan cara-cara berkesan memelihara taman-taman milik DBKL.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengenalpasti cara-cara berkesan bagi memelihara taman-taman adalah melalui komitmen dua (2) pihak untuk memainkan peranannya secara khusus iaitu peranan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu DBKL dan peranan orang awam.

### **Peranan DBKL**

1. Pemantauan secara berterusan
  - a. Pemantauan secara berterusan dibuat terutamanya dari segi penyelenggaraan dan keselamatan taman.
  - b. Pemantauan ini penting bagi memastikan pengunjung taman berasa selamat dan kemudahan taman berada di tahap yang baik.
  
2. Jalinan kerjasama bersama komuniti sekitar
  - a. Pihak DBKL telah mengadakan kerjasama komuniti sekitar taman-taman awam bagi memastikan kemudahan yang disediakan menepati keperluan penduduk sekitar.
  - b. Mewujudkan *sense of belonging* di kalangan masyarakat setempat dengan taman-taman di kawasan tersebut dan penjagaan taman dapat dilaksanakan secara bersama.
  - c. Program ini dikenali sebagai "Sahabat Taman" dan taman-taman yang terlibat dengan program ini adalah Taman Pudu Ulu, Taman Air Panas dan Taman Kerinchi.

- d. Menjalankan program *Adoption of Park* bersama syarikat korporat bagi bersama-sama membangun dan menyelenggara kawasan landskap taman.
3. Pemilihan reka bentuk, bahan binaan serta tumbuhan di taman awam
    - a. Pemilihan bahan binaan dan tanaman yang bersesuaian adalah penting bagi memudahkan penyelenggaraan di samping mudah hidup di kawasan yang ditempatkan.
    - b. Pemilihan reka bentuk dan fasiliti yang bersesuaian dengan kehendak pengunjung taman.
    - c. Perbaiki segera fasiliti taman apabila berlaku kerosakan.
  4. Penggunaan taman dan waktu bagi operasi taman dihadkan
    - a. Penggunaan taman hanya bermula pada pukul 7.00 pagi dan ditutup pada pukul 7.00 malam.
    - b. Memastikan aktiviti berkumpulan yang melibatkan ramai peserta mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak DBKL.
  5. Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang lebih ketat di kawasan-kawasan taman
    - a. Perniagaan di taman-taman awam hanya dibenarkan di kawasan yang dibenarkan dan hanya untuk peniaga yang berlesen sahaja.
    - b. Aktiviti-aktiviti seperti memancing di tasik taman adalah dilarang kecuali mendapat kebenaran DBKL dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.
    - c. Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil Taman (1981).

6. Program Pendidikan - Mengatur lebih banyak program pendidikan, kesedaran tentang alam sekitar kepada warga kota.

### **Peranan orang awam**

1. Orang awam sewajarnya lebih prihatin dengan peraturan yang telah ditetapkan di taman-taman awam dan sama-sama menjaga kemudahan yang telah disediakan.
2. Masyarakat yang mendiami kawasan perumahan sekitar taman juga memainkan peranan yang penting kerana taman-taman awam yang terletak di kawasan elit lebih mudah diurus serta kurang laporan berkaitan vandalism dan jenayah.